

20 DEC 1997

DR MAHATHIR Pengerusi Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi (MT) parti itu di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik berkata mesyuarat itu akan mempertimbangkan rayuan tiga anggota parti yang dikenakan penggantungan sejak lebih tiga tahun lepas kerana terlibat dalam politik wang.

Mesyuarat itu juga dijangka membincangkan keanggotaan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC) yang penubuhannya diumumkan Dr Mahathir, selaku Perdana Menteri, pada mesyuarat khas MT Umno 20 Nov lepas.

Pembentukan majlis itu akan membolehkan kerajaan mengambil tindakan segera dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan ekonomi bagi memulihkan semula ekonomi negara kesan daripada kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham.

Seperti biasa, mesyuarat MT kali ini turut membincangkan isu-isu semasa sama ada yang menyentuh soal parti, kerajaan dan negara. -- BERNAMA

AH RON